

10/02/2001

Sukar cari pengganti sehebat Bung Karim

KEMATIAN Abdul Karim Abdullah atau lebih terkenal sebagai Bung Karim pada Isnin, 5 Februari lalu, adalah satu kehilangan besar kepada bangsa dan negara kerana Allahyarham adalah satu-satunya tokoh yang khusus menumpukan fikiran dan tenaganya untuk menjadi pencatat dan perakam tokoh politik, budaya dan sastera di negara ini. Allahyarham dianggap sebagai HB Jassin Malaysia.

Beliau banyak menulis mengenai berbagai isu politik, budaya dan sastera dan terkenal sebagai seorang penulis yang gigih. Seorang wartawan ketika menulis mengenai kematian Bung Karim menyifatkannya sebagai satu tragedi kepada dunia ilmu, maklumat dan perbukuan negara.

Bagi diri saya sendiri, kematiannya merupakan satu kehilangan besar. Kehilangan seorang sahabat yang karib dan setia. Beliau turut menulis beberapa buku mengenai diri saya.

Malah, sebelum kematiannya, Allahyarham bercita-cita untuk menulis sebuah biografi mengenai diri saya. Beliau ingin menulis mengenai perjuangan saya dalam politik, terutama penglibatan saya dengan perjuangan Allahyarham Ibrahim Yaakob dalam masa sebelum perang hinggalah kepada masa Jepun, lebih-lebih lagi perjuangan saya menubuhkan PETIR atau parti PAP bersama Lee Kuan Yew.

Sejak beberapa tahun lalu, Allahyarham mengumpulkan hampir semua ucapan dan ceramah saya. Boleh dikatakan setiap kali saya berceramah, beliau akan meminta salinan teks ucapan atau ceramah untuk disimpannya sebagai bahan rujukan.

Seperti lazimnya, saya jarang sekali menaip teks ucapan saya kerana banyak ceramah atau ucapan saya adalah secara spontan dan Bung Karim akan membawa alat perakam suara untuk merakam ucapan atau ceramah saya. Beliau boleh dikatakan menjadi setiausaha sulit saya dalam banyak hal. Catatan saya banyak dalam simpanannya.

Beberapa bulan sebelum meninggal dunia, Allahyarham ingin menyusun biografi saya tetapi seingat saya, beliau hanya sempat merakam temu bual dengan saya sebanyak dua kali saja.

Tetapi Bung Karim tidak putus asa dalam setiap usahanya. Beberapa tahun lalu, beliau cuba menulis riwayat Allahyarham Datuk Abdul Rahman Talib, bekas Menteri Pendidikan Malaysia.

Untuk beberapa lama, beliau cuba mengumpulkan segala ucapan Allahyarham Abdul Rahman tetapi malangnya usaha itu tidak dapat disempurnakan kerana tidak banyak bahan tulisan atau ucapannya yang disiarkan akhbar.

Memang tepat sekali pendapat wartawan Utusan Malaysia yang menganggap pemergian Bung Karim sebagai satu tragedi kepada dunia ilmu, maklumat dan perbukuan negara.

Pada hemat saya, tidak ada seorang pun penulis di negara kita yang begitu tekun dan gigih berusaha membukukan riwayat hidup dan perjuangan tokoh politik, sastera dan bahasa seperti Bung Karim.

Dalam simpanannya banyak bahan dan catatan mengenai tokoh politik, sastera serta bahasa yang belum sempat disunting dan dibukukannya.

Bung Karim menerbitkan bukunya dengan perbelanjaannya sendiri tanpa mengharapkan pertolongan orang lain. Ada juga dermawan yang secara sukarela membantu beliau dengan membiayai penerbitannya tetapi setahu saya beliau sendiri yang bertungkus-lumus mengusahakan penerbitan buku-bukunya.

Baru-baru ini, Allahyarham menghadihkan buku dalam khutub-khanahnya kepada sebuah pertubuhan bahasa dan persuratan di Pahang. Antara buku yang

diterbitkannya ialah mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak dan Pak Sako.

Beliau sangat rapat dengan Pak Sako. Bukan kerana mereka berasal dari Temerloh tetapi kerana hubungan mereka ialah sebagai guru dengan anak murid. Pak Sako merupakan sumber ilhamnya.

Bung Karim juga adalah bekas pemimpin Pemuda Umno di Pahang. Pernah menjadi guru bahasa Inggeris dan bekas Pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka. Persahabatan kami bermula dari zaman beliau berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka hinggalah ke akhir hayatnya.

Satu projek yang tidak sempat diusahakannya ialah mengumpulkan bahan mengenai tokoh negara seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Allahyarham ingin sekali mencatatkan riwayat perjuangan saya di Singapura, terutama dalam bidang politik. Beliau ingin merakamkan sejarah pertubuhan PAP Singapura dan penglibatan saya dalam penubuhan parti itu dan juga sebab-sebab saya keluar daripada parti itu.

Seingat saya, beliau hanya sempat merakam temu bual mengenai peristiwa itu untuk sekali saja.

Saya kehilangan seorang sahabat karib tetapi negara kehilangan seorang pencatat sejarah yang ulung. Kematianannya adalah satu kerugian kepada bangsa yang sukar dicari gantinya. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Al-Fatihah.

(END)